

## **KESIMPULAN**

Kongsi gelap telah memainkan peranan penting dalam sejarah politik dan ekonomi Negeri-negeri Melayu sejak abad ke-19 lagi. Peranan mereka juga ketara di Sungai Ujong dari segi politik , ekonomi dan sosial sejak abad ke-19 hingga awal abad ke-20 .

Dari segi politik , ketidakstabilan yang wujud di Sungai Ujong akibat persaingan antara pembesar-pembesar Melayu telah membuka peluang kepada kongsi gelap untuk campur tangan dalam pergeseran antara pembesar-pembesar Melayu dengan menawarkan bantuan kewangan dan militari kepada pembesar-pembesar Melayu yang terlibat dalam perperangan. Mereka juga selalu memihak kepada pembesar-pembesar Melayu yang dilihat dapat memberikan faedah kepada kongsi gelap. Tujuan penglibatan kongsi gelap dalam perebutan kuasa antara pembesar Melayu adalah untuk memastikan bahawa kepentingan ekonomi dan status sosial mereka tidak terganggu dalam keadaan politik yang bergelora. Dengan demikian, kongsi gelap berjaya menegakkan kuasa dan pengaruh mereka di Sungai Ujong.

Konflik politik orang Cina dengan pembesar Melayu di Sungai Ujong boleh dibahagikan kepada beberapa tempoh , iaitu antara tahun 1820-30-an,1840-50-an , 1860-an dan 1870-an. Pelombong Cina telah berkonflik dengan orang Melayu pada tahun 1820-an dan ini menyebabkan pergaduhan dan pembunuhan yang serius berlaku di Rasah pada tahun-tahun 1830-an di Rasah. Hubungan ini mnejadi lebih tegang pada tahun-tahun 1840-50an apabila orang Cina berkonflik dengan pembesar-pembesar Melayu yang mendirikan tol memungut cukai di sepanjang Sungai Linggi yang menjaskan sumber pendapatan orang Cina di Sungai Ujong.

Perkembangan politik pada tahun 1860-an pula melibatkan kongsi gelap Cina Hai San dan Ghee Hin. Persaingan ekonomi dan politik yang hebat antara kedua-dua kongsi gelap telah menyebabkan kemunculan tokoh-tokoh Cina yang terkenal di Sungai Ujong , sebagai contohnya , Kapitan Sheng Meng Li , Liu Ngim Kong , Yap Shak dan Yap Ah Loy. Tokoh-tokoh ini kemudiannya telah menjadi pemimpin di Kuala Lumpur.

Kongsi gelap Cina tidak memainkan peranan yang aktif dalam politik tempatan pada tahun-tahun 1870-an kerana British mula campur tangan dalam perselisihan tahan yang berlaku antara Dato Bandar dan Dato Kelana. Oleh itu, kongsi gelap terpaksa memihak kepada pembesar yang lebih berpotensi untuk menang dalam perperangan. Namun begitu , penglibatan kongsi gelap dalam konflik politik telah menjadikan keadaan dalam negeri semakin huru-hara. Keadaan ini berlaku kerana bantuan kewangan dan ketenteraan dari ketua kongsi gelap telah digunakan oleh pembesar Melayu untuk meneruskan pertempuran. Namun begitu, British berjaya menamatkan konflik politik yang berlaku di Sungai Ujong setelah mereka meluaskan kuasa dan pengaruh secara rasmi di situ.

Pergolakan politik di Sungai Ujong juga telah mempengaruhi perkembangan aktiviti ekonomi. Pembesar-pembesar Melayu dan kongsi gelap Cina saling bermusuhan kerana ingin menguasai sumber ekonomi yang boleh memberi keuntungan yang maksimum. Kongsi gelap yang aktif dalam aktiviti politik turut memainkan peranan penting dalam aktiviti ekonomi di Sungai Ujong, khasnya dalam perusahaan perlombongan timah. Ketua kongsi gelap biasanya bekerja sebagai pengusaha di lombong timah dan ramai pelombong Cina yang menjadi ahli kongsi gelap.

Perkembangan ini telah menyebabkan kawasan perlombongan timah menjadi pusat aktiviti kongsi gelap di Sungai Ujong.

Ketua kongsi gelap yang menguasai perlombongan juga menjalankan perniagaan candu , perjudian dan pelacuran di kawasan perlombongan timah. Malah ketua kongsi gelap telah menjadi pemajak candu dan perjudian yang utama di Sungai Ujong. Oleh itu kedai perjudian dan rumah candu banyak didirikan di kawasan perlombongan dan ketua kongsi gelap selalu menggunakan candu dan perjudian untuk mengawal buruh-buruh Cina. Dengan adanya pengawalan yang ketat dalam sektor ekonomi, sumber ekonomi kongsi gelap semakin terjamin.

Perkembangan ekonomi yang pesat di Sungai Ujong telah memberi peluang kepada ahli-ahli kongsi gelap untuk memungut wang perlindungan daripada peniaga. Oleh kerana wang perlindungan ini adalah sumber kewangan yang lumayan kepada kongsi gelap , mereka menggunakan pelbagai cara peras ugut untuk memastikan sumber ekonomi mereka tidak terjejas. Kegiatan pungutan wang perlindungan adalah salah satu budaya kongsi gelap yang paling lama di Tanah Melayu. Amalan ini masih diamalkan sehingga hari ini.

Perkembangan ekonomi yang pesat juga telah membawa kepada penglibatan kongsi gelap dalam aktiviti sosial di Sungai Ujong. Pengaruh kongsi gelap yang luas telah memudahkan mereka mengendalikan buruh-buruh baru yang dibawa ke Tanah Melayu. Kongsi gelap banyak melibatkan diri dalam proses pengambilan dan pengawalan buruh-buruh yang baru tiba di Tanah Melayu. Walaupun penindasan sering berlaku dalam pengawasan buruh tetapi kongsi gelap juga memberi perlindungan dan

menjaga kebajikan buruh baru. Ini membuktikan bahawa kongsi gelap juga memainkan peranan yang positif dalam menjaga kepentingan masyarakat Cina.

Selain daripada menjaga buruh-buruh Cina, kongsi gelap juga telah memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan aktiviti sosial masyarakat Cina. Aktiviti sosial yang paling popular bagi buruh lelaki pada masa itu adalah kegiatan pelacuran. Malah kegiatan pelacuran adalah suatu keperluan kepada masyarakat Cina kerana bilangan lelaki di Sungai Ujong jauh lebih banyak daripada bilangan wanita. Perkembangan demikian menyebabkan kongsi gelap menubuhkan banyak pusat hiburan seperti rumah pelacuran untuk kaum lelaki Cina . Dengan ini , kongsi gelap telah menyediakan perkhidmatan yang sangat-sangat diperlukan oleh kaum lelaki. Oleh itu , aktiviti pelacuran ini tidak dianggap sebagai perniagaan yang tidak bermoral pada masa itu.

Ramai pengurus rumah pelacuran di Sungai Ujong adalah ketua atau ahli kongsi gelap . Mereka telah menggunakan pengaruh dan kuasa kongsi gelap untuk memastikan perniagaan mereka tidak terganggu . Kadang-kala kaki pukul kongsi gelap juga diupah untuk menjaga keselamatan pelacur dan mengawasi mereka daripada melarikan diri. Sebagai ganjaran, pengusaha rumah pelacuran dikehendaki membayar wang perlindungan kepada ahli-ahli kongsi gelap yang memberi bantuan .

Sumber pendapatan yang diperolehi oleh ketua-ketua kongsi gelap dari perniagaan candu , rumah pelacuran dan perjudian telah digunakan untuk menjalankan aktiviti sosial di Sungai Ujong. Kongsi gelap memainkan peranan yang penting dalam menjalankan aktiviti-aktiviti ibadat di Sungai Ujong. Ketua kongsi gelap yang kaya juga menderma wang untuk membina tempat-tempat ibadat seperti tokong-tokong di pusat

perlombongan timah. Salah satu tokong yang dibina oleh ketua kongsi gelap Hai San , iaitu Yap Ah Loy, adalah tokong Xian Shi Ye . Tempat-tempat ibadat ini bukan sahaja meneruskan budaya orang Cina malah juga adalah tempat perjumpaan masyarakat Cina. Ini menunjukkan bahawa ketua kongsi gelap yang membina tempat-tempat ibadat ini turut menjadi pemimpin masyarakat Cina yang bertanggungjawab untuk menjaga perkembangan adat dan budaya masyarakat Cina.

Di samping itu, kongsi gelap juga melibatkan diri dalam penubuhan persatuan-persatuan Cina atau Hui Guan di Sungai Ujong. Ketua kongsi gelap yang mempunyai kedudukan ekonomi dan sosial yang tinggi turut menjadi pengasas persatuan Cina . Persatuan Cina yang terdapat di Sungai Ujong adalah Hui Zhou Hui Guan , Jia Shu Hui Guan , Mei Cheng Hui Guan , Hai Lu Hui Guan , Wu Shu Hui Guan dan lain-lain lagi. Mereka bukan sahaja menawarkan bantuan kewangan malah juga sudi mendermakan tanah untuk mendirikan bangunan persatuan. Persatuan Cina bermotif untuk memberikan perlindungan dan bantuan kepada ahli-ahlinya yang serba kekurungan . Bilangan persatuan Cina semakin bertambah setelah kerajaan kolonial mengharamkan kongsi gelap di Tanah Melayu. Ini menyebabkan persatuan Cina mula mengambil alih peranan positif yang pernah dijalankan oleh kongsi gelap kepada masyarakat Cina .

Peranan kongsi gelap dalam politik , ekonomi dan sosial terhenti pada akhir abad ke-19. Keadaan ini berlaku kerana ahli kongsi gelap sering terlibat dalam aktiviti yang mengancam ketenteraman dalam negeri. Malah pergaduhan dan perebutan perniagaan yang sering berlaku di tempat-tempat perniagaan candu , perlacuran dan perjudian telah menjelaskan keamanan dalam negeri . Penglibatan orang Cina dalam kes jenayah telah

memberi alasan yang baik kepada kerajaan kolonial untuk menggiatkan lagi operasi penumpasan kongsi gelap di Sungai Ujong.

Untuk mencapai tujuan pembanterasan kongsi gelap, kerajaan kolonial telah mengambil pelbagai langkah seperti meluluskan ordinan-ordinan untuk mengharamkan aktiviti kongsi gelap. Sebagai contohnya , Ordinan Penumpasan Persatuan Berbahaya 1869 ; Ordinan Kongsi Gelap 1888 ; Ordinan Kongsi Gelap 1899 dan Ordinan Penumpasan Persatuan Berbahaya 1900. Kod Peraturan Jenayah juga diluluskan untuk memastikan keberkesanan pengharaman kongsi gelap. Di samping itu, perlantikan Pelindung Orang Cina , W. A. Pickering , juga bertujuan untuk menyekat hubungan yang rapat antara kongsi gelap dengan masyarakat Cina. Walaupun kerajuan kolonial telah menjalankan pelbagai langkah untuk menumpaskan kongsi gelap tetapi mereka masih menjalankan aktiviti secara bawah tanah . Ini membuktikan bahawa pengaruh dan budaya kongsi gelap dalam masyarakat Cina masih sukar ditumpaskan.

Kongsi gelap sesungguhnya bukanlah suatu kumpulan jenayah yang hanya mengancam keselamatan nyawa dan harta benda, malah ketua kongsi gelap telah memberi sumbangan yang besar dalam mengendalikan hal-ehwal masyarakat Cina sejak awal abad ke-19. Sumbangan kongsi gelap dalam bidang ekonomi dapat diperihalkan dari perkembangan pesat perusahaan timah di Sungai Ujong.